

Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 653-662

ISSN. 2548-6160

International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Available online: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>

Article DOI: <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.537>

PUSAT ISLAM POLIMAS: PENGLIBATAN PROGRAM DAKWAH DAN HUBUNGANNYA DENGAN AMALAN IBADAT SOLAT DAN PENGAMALAN AKHLAK PELAJAR.

¹Mohd Farid Hafidz Bin Ahmad

faridhafidz83@gmail.com

²Mohamad Khairi Bin Haji Othman

m_khairi@uum.edu.my

¹Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

²Pusat Pengajian Pendidikan Dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK: Banyak pihak yang membicarakan tentang masalah keruntuhan amalan agama dan kerosakan akhlak pelajar. Permasalahan ini sangat berkait rapat dengan usaha dakwah yang dilakukan bagi mengembalikan remaja kepada syariat dan akhlak Islamiah. Program dakwah perlu dilaksanakan secara aktif di institusi pendidikan bagi mencapai matlamat tersebut. Kajian ini bertujuan meninjau tentang tahap penglibatan program dakwah dalam kalangan pelajar anjuran Pusat Islam Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Dalam masa yang sama kajian ini mencari adakah wujud hubungan antara penglibatan program dakwah dengan amalan ibadat solat dan juga pengamalan akhlak pelajar. Populasi kajian seramai 5192 orang dan seramai 361 orang pelajar telah dipilih sebagai sampel kajian. Dua aspek utama yang menjadi objektif kajian iaitu tahap penglibatan pelajar ke dalam program dakwah tersebut dan hubungan dengan amalan ibadat solat dan pengamalan akhlak pelajar. Kaedah pengumpulan data dilakukan adalah melalui kaedah soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian ini menunjukkan penglibatan program dakwah dikalangan pelajar berada pada tahap yang sederhana tinggi. Seterusnya analisis kolerasi Pearson menunjukkan wujud hubungan yang positif antara penglibatan pelajar dalam program dakwah Pusat Islam POLIMAS dengan amalan ibadat solat pelajar dan pengamalan akhlak pelajar. Kajian ini memberi implikasi bahawa penglibatan dalam program dakwah dapat meningkatkan amalan ibadat solat dan akhlak pelajar.

KATAKUNCI: program dakwah, amalan solat, akhlak, pelajar, politeknik dan polimas.

PENDAHULUAN

Dakwah merupakan tugas mengajak manusia kepada Islam dengan mentauhidkan Allah SWT dimulakan dengan diri sendiri, ahli keluarga, masyarakat dan seterusnya negara malahan ke seluruh alam kerana Rasulullah SAW membawa Islam sebagai rahmat kepada sekalian alam. Allah SWT berfirman:

"Dan Sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut."

Surah Al-Nahlu(16): 36

Menurut Abdul Karim Zaidan (1976), sebenarnya berdakwah merupakan tugas utama para rasul dan memang mereka dibangkitkan untuk berdakwah. Para rasul tanpa terkecuali ditugaskan berdakwah kepada

kaumnya dan memang mereka diutus untuk menyeru kaumnya, agar mereka beriman kepada Allah SWT, dan beribadah kepada-Nya seperti yang digariskan dalam syariat yang mereka bawa. Allah Taala berfirman tentang Nabi Nuh AS:

"Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Nuh kepada kaumnya, lalu berkatalah ia: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Sesungguhnya Aku bimbang, kamu akan ditimpa azab hari yang besar (hari kiamat)"

Surah Al-'Araf(7): 59

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kepada umat Islam bagi meneruskan tugas dakwah bagi menyambung tugas para rasul supaya ajaran Islam dapat disampaikan kepada seluruh umat manusia.

Perkataan dakwah bermaksud mengajak manusia dengan cara bijaksana ke jalan yang benar sesuai dengan perintah Allah SWT dan melarang mereka daripada melakukan kemungkaran, supaya mereka memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Ameer Azezy Tuan Abdullah dan Suhaizan Sulaiman, 2012). Dakwah yang dilaksanakan haruslah dengan cara yang bijaksana dengan menggunakan strategi yang berkesan supaya ianya mencapai matlamat yang diinginkan.

Seterusnya tugas dakwah perlu dilaksanakan secara tersusun dan melalui perancangan yang rapi dan ianya hendaklah dilakukan secara bersama dalam satu gerakan yang kukuh. Wan Hussein Azmi (1984) menyatakan bahawa Dakwah Islamiah ialah gerakan menyeru manusia seluruhnya supaya mereka menganut agama Allah, iaitu agama Islam. Oleh kerana Allah SWT lah yang memerintah manusia untuk melaksanakan gerakan dakwah, maka Allah SWT sendiri telah menentukan metod-metodnya yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia. Islam mengandungi ajaran-ajaran yang sesuai dengan fitrah manusia, khususnya ajaran yang membimbing manusia untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT:

"(setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah dirimu (engkau dan pengikut-pengikutmu, Wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh dari kesesatan; (turutlah terus) agama Allah, Iaitu agama Yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya) untuk menerimanya; tidaklah patut ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah itu; itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."

Surah Ar-Rum(30): 30

Pendakwah ialah golongan yang menjalankan tugas dakwah. Sahsiah pendakwah seringkali dilihat sebagai faktor asas dalam menentukan kejayaan gerak kerja dakwah itu sendiri. Mereka mesti mempunyai peribadi dan persediaan tertentu bagi memastikan matlamat utama dakwah terlaksana. Sebelum isi dan pengajaran dakwah diterima, manusia kebanyakannya akan melihat terlebih dahulu keperibadian pendakwah. Integriti dilihat sebagai satu elemen yang sangat penting dan perlu ada pada setiap pendakwah bagi memastikan ilmu atau mesej dakwah yang disampaikan berkesan dan meninggalkan kesan kepada golongan yang didakwah.

PENYATAAN MASALAH

Pada hari ini, banyak pihak yang membicarakan tentang kerosakan akhlak pelajar. Beberapa permasalahan remaja yang begitu membimbangkan pada akhir-akhir ini meresahkan ibu bapa dan guru yang melihat perubahan sikap serta tingkah laku mereka (Zulfan Nasution, 2001). Masalah gejala sosial yang melibatkan golongan remaja dengan budaya lepak, curi, dadah, bohsia dan perlakuan yang bertentangan nilai-nilai murni serta sebagainya telah didedahkan kepada kita setiap hari menerusi akhbar, radio dan televisyen (Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid, Abdullah Mat Rashid & Samsilah Roslan, 2012). Perkara ini adalah sangat membimbangkan dan menggambarkan remaja Islam sekarang berada dalam bahaya.

Mohd. Zaki Hamid (2009) dalam kajiannya menyatakan, pelaksanaan program dakwah yang berterusan, terancang, sistematik dan efektif perlu dilakukan agar dapat membina sahsiah pelajar supaya mereka terus bermotivasi dan bertanggungjawab. Isu yang timbul berkaitan pelaksanaan dakwah di sekolah sering dikaitkan dengan kelemahan dan kelewatan di pihak pengurusan sekolah dalam memastikan dakwah dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan berjaya.

Isu ini terus berlanjutan sehinggalah para pelajar melanjutkan pengajian ke IPT bahkan situasinya menjadi lebih parah. Sebahagian pelajar langsung tidak memahami peranan dan tanggungjawab dakwah. Menurut Syahrul Faizaz Abdullah, Azizah Othman dan Solahuddin Ismail (2006) dalam kajiannya mendapati kefahaman responden tentang metodologi dakwah berada di tahap yang sederhana dengan nilai min 2.8. Para responden kurang prihatin tentang keperluan memahami kerja-kerja dakwah yang merangkumi media dan sasaran dakwah bagi menjamin keberkesanan dakwah Islamiah.

Sharifah Nur dalam Mohd. Jirran Mohd. Jeperi (2015) dalam mengemukakan permasalahan solat berdasarkan temubual tidak langsung kepada pelajar, mendapati terdapat ramai pelajar yang tidak menunaikan solat tanpa sebarang alasan yang munasabah merupakan salah satu punca masalah ini berlaku yang disebabkan kurangnya kesedaran diri untuk melaksanakan solat dan menganggap solat itu sebagai perkara yang remeh. Mereka juga mengatakan tiada dorongan daripada masyarakat sekeliling untuk melaksanakan solat. Malahan ada segelintir ibu bapa pelajar yang tidak pernah menunaikan solat tetapi hanya mengharap anak-anak untuk melaksanakannya.

Dalam masa yang sama, natijah daripada pengabaian ibadat solat akhirnya mewujudkan pelbagai gejala penyimpangan moral dan keruntuhan akhlak. Bermula daripada fenomena inilah yang menjadikan masalah akhlak kian meruncing melibatkan seluruh pelajar di mana-mana IPT hari ini. Ini dibuktikan terdapat hubungan yang positif antara amalan ibadat solat dengan amalan akhlak pelajar. Menurut Mohd. Jirran Mohd. Jeperi (2015) dalam kajiannya terhadap pelajar sekolah menengah di Daerah Kuala Terengganu, mendapati pelajar yang mempunyai pemahaman solat yang tinggi juga mempunyai akhlak yang tinggi.

Masalah akhlak dan keruntuhan sosial dikalangan remaja atau pun mereka yang bergelar mahasiswa di IPT bukanlah satu fenomena baru. Masalah ini berlaku di mana-mana sahaja sejak zaman dahulu hingga kini. Menurut Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin (2007) masalah ketandusan akhlak adalah suatu fitrah yang memerlukan kepada usaha untuk meningkatkan potensi diri dan membangunkan akhlak mereka. Beliau juga menegaskan, mahasiswa adalah aset yang penting bagi sesebuah negara. Mereka adalah bakal pewaris tampuk pemerintahan negara pada suatu hari nanti. Apa sahaja yang berlaku kepada mereka akan memberikan impak kepada masa depan negara. Sekiranya kita berjaya menyediakan acuan akhlak yang baik, maka lahirlah bakal pemimpin negara yang berpegang teguh kepada akidah yang benar, ibadat yang sah dan akhlak yang mulia.

Atas asas yang dikemukakan di atas pengkaji merasakan perlunya dibuat satu kajian tentang penglibatan pelajar terhadap program dakwah yang dianjurkan Pusat Islam POLIMAS dan untuk melihat apakah Pusat Islam POLIMAS dapat memainkan peranan yang positif bagi melahirkan pelajar yang mengamali ibadat solat dan membangunkan akhlak pelajar POLIMAS.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian yang dikemukakan ini adalah matlamat yang hendak dicapai dalam satu-satu kajian (Sabitha Marican, 2009). Objektif kajian bagi penulisan ini adalah seperti berikut:

1. Menenal pasti tahap penglibatan pelajar terhadap program dakwah yang telah dilaksanakan oleh Pusat Islam POLIMAS.
2. Menentukan hubungan di antara penglibatan pelajar terhadap program dakwah yang telah dilaksanakan oleh Pusat Islam POLIMAS dengan amalan ibadat solat.

Menentukan hubungan di antara penglibatan pelajar terhadap program dakwah yang telah dilaksanakan oleh Pusat Islam POLIMAS dengan pengamalan akhlak pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini dikenalpasti sebagai kajian penyelidikan kuantitatif yang berbentuk tinjauan. Kajian bentuk tinjauan telah dijalankan melalui penyediaan borang soal selidik yang diedarkan untuk dijawab oleh pelajar-pelajar POLIMAS yang terpilih sebagai sampel daripada populasi kajian. Pengkaji menetapkan populasi kajian adalah merangkumi semua pelajar Islam di POLIMAS yang terdiri daripada pelajar semester satu hingga semester enam Sesi Pengajian Disember 2015 yang mana mereka ini terlibat dalam program-program dakwah yang telah dianjurkan oleh Pusat Islam POLIMAS. Keseluruhan pelajar POLIMAS adalah seramai 5192 orang pelajar. Berdasarkan jumlah ini seramai 361 orang pelajar telah diambil sebagai sampel kajian berdasarkan penentuan saiz persampelan Robert V. Krejcie dan Daryle W. Morgan (1970). Pengkaji memilih kaedah persampelan rawak mudah yang mana membolehkan setiap populasi mempunyai peluang yang sama untuk terpilih sebagai sampel. Dengan kaedah ini juga, data-data yang diperolehi dari hasil kajian boleh digeneralisasi kepada populasi yang lebih besar.

Kajian yang dijalankan ini adalah menggunakan instrumen yang terdiri daripada soalan-soalan selidik. Pengkaji memilih untuk menggunakan soalan-soalan selidik kerana ia mudah ditadbir, ringkas dan cepat dalam mendapatkan maklumat yang dikehendaki daripada sampel kajian. Pendekatan soal selidik secara mengisi borang yang disediakan ini, sangat memudahkan sampel kajian dan menjadikan mereka lebih bertanggungjawab dan mudah dalam memberikan kerjasama.

Borang soal selidik ini diedar sendiri oleh pengkaji yang mana para respondennya terdiri daripada para pelajar kursus Diploma semester satu hingga semester enam POLIMAS Sesi Pengajian Disember 2015.

Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dipecahkan kepada beberapa bahagian iaitu:

Bahagian A: Terdiri daripada 5 item yang berkaitan demografi responden.

Bahagian B: Terdiri daripada 10 item soalan yang bertujuan untuk melihat tahap penglibatan program dakwah yang dilaksanakan oleh Pusat Islam POLIMAS.

Bahagian C: Terdiri daripada 16 item soalan untuk melihat amalan ibadat solat pelajar POLIMAS berpandukan kepada kajian terdahulu yang telah dijalankan oleh Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Madiha Mohammed Ibrahim dan Shahril Fazli Mat Hussain (2014).

Bahagian D: Terdiri daripada 15 item soalan untuk melihat tahap pengamalan akhlak pelajar POLIMAS berpandukan kepada kajian terdahulu oleh Mohd. Jiran Mohd. Jeperi (2015).

Hasil kajian rintis mendapati nilai skor Cronbach's Alpha bagi item soalan penglibatan program dakwah, amalan ibadat solat dan pengamalan akhlak pelajar dapat ditunjukkan dalam jadual 4.

Jadual 4
Nilai Skor Cronbach's Alpha Bagi Setiap Bahagian Dalam Soal Selidik

Item	Jumlah Item	Cronbach's Alpha
Penglibatan Program Dakwah	10	0.85
Amalan Ibadat Solat	16	0.64
Pengamalan Akhlak Pelajar	15	0.88

Kaedah analisis diskriptif dan inferensi digunakan bagi menganalisis kajian ini. Bagi menghurai dan menerangkan demografi responden dan mengenalpasti tahap penglibatan program dakwah yang telah dilaksanakan oleh Pusat Islam POLIMAS, statistik diskriptif diguna pakai. Manakala analisis inferensi dilakukan bertujuan untuk melihat hubungan di antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah bebas. Perincian analisis bagi setiap soalan kajian adalah seperti dalam jadual 5.

Jadual 5
Jenis Ujian Berdasarkan Soalan Kajian

Soalan Kajian	Jenis Ujian
1	Min
2,3	Korelasi

DAPATAN KAJIAN

Objektif 1: Mengetahui tahap penglibatan pelajar terhadap program dakwah yang telah dilaksanakan oleh Pusat Islam POLIMAS.

Analisis statistik diskriptif digunakan bagi mencapai objektif ini. Min yang diperolehi ditafsirkan menggunakan cara interpretasi min yang dicadangkan oleh Nunnally (1978). Jadual 6 di bawah menunjukkan perbandingan skor min bagi item-item yang terdapat di dalam konstruk penglibatan program dakwah. Berdasarkan jadual di bawah item 9 (Seminar Akademik Pecutan Akhir) menunjukkan bacaan min yang tertinggi iaitu pada kadar 3.59 dengan seramai 4.9% responden sangat tidak kerap, 11.1% responden tidak kerap, 26% responden kurang kerap, 36% responden kerap dan 22.2% responden sangat kerap melibatkan diri dalam program berkenaan anjuran Pusat Islam POLIMAS. Walaubagaimanapun bacaan tersebut masih berada pada tahap sederhana tinggi. Item 2 (Kursus Pengurusan Jenazah) pula mencatatkan bacaan terendah iaitu dengan purata min 2.49 yang menunjukkan ianya berada pada tahap sederhana rendah dengan seramai 18% responden sangat tidak kerap, 31% responden tidak kerap, 36.6% responden kurang kerap, 12.2% responden kerap dan 2.2% responden sangat kerap melibatkan diri dalam program tersebut. Secara keseluruhan dapat dibahagikan terdapat 8 item yang berada pada kedudukan sederhana tinggi iaitu pada item 1,4,5,6,7,8,9 dan 10. Manakala terdapat 2 item berada pada tahap sederhana rendah iaitu pada item 2 dan 3. Dapat disimpulkan di sini, bahawa kebanyakan program dakwah yang dianjurkan oleh Pusat Islam POLIMAS secara keseluruhan sambutanannya berada pada tahap yang memberangsangkan.

Berdasarkan Jadual 6 di bawah juga, nilai min keseluruhan bagi konstruk penglibatan program dakwah ialah 3.23 yang menunjukkan bahawa nilai min tersebut adalah sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan majoriti pelajar-pelajar POLIMAS terlibat secara sederhana aktif dalam program dakwah yang dianjurkan oleh Pusat Islam POLIMAS.

Jadual 6
Skor Min Bagi Item-Item Penglibatan Program Dakwah Dan Min Keseluruhan Bagi Konstruk Penglibatan Program Dakwah

Bil.	Item	STK(%)	TK(%)	KK(%)	K(%)	SK(%)	Min
1	Kuliah Bicara Ad-Deen	6.1	10.5	33.2	33.8	16.3	3.43
2	Kursus Pengurusan Jenazah	18	31	36.6	12.2	2.2	2.49
3	Kuliah Tadarrus Dan Tadabbur Al-Quran	5.5	23	43.5	24.4	3.6	2.97
4	Kuliah Fiqh Solat	5.5	16.6	38.8	33	6.1	3.17
5	Kem Bina Sahsiah (KBS)	8.3	17.2	37.4	28	9.1	3.12
6	Supersisters Day (Kempen	9.1	13.9	30.7	31	15.2	3.29

	Tutup Aurat)						
7	Kursus Pemantapan Akidah	6.9	9.1	32.1	38.2	13.6	3.42
8	Program Solat Hajat Perdana	4.7	10	30.5	38	16.9	3.52
9	Seminar Akademik Pecutan Akhir	4.7	11.1	26	36	22.2	3.59
10	Ibadat Qiamullal	8.6	14.1	33.5	30.7	13	3.25
	Konstruk Keseluruhan Penglibatan Program Dakwah						3.23

Objektif 2: Menentukan hubungan di antara penglibatan pelajar terhadap program dakwah yang telah dilaksanakan oleh Pusat Islam POLIMAS dengan amalan ibadat solat.

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara penglibatan pelajar dalam program dakwah yang telah dilaksanakan oleh Pusat Islam POLIMAS dengan amalan ibadah Solat.

Berdasarkan Jadual 7 di bawah, Ujian Korelasi Pearson adalah signifikan antara tahap penglibatan program dakwah dengan amalan ibadat solat. Dengan ini Ho1 adalah berjaya ditolak. Hubungan dalam bentuk positif ini menunjukkan bahawa semakin tinggi penglibatan pelajar dalam program dakwah Pusat Islam POLIMAS maka semakin baiklah amalan ibadat solat pelajar. Walaubagaimanapun hubungan antara tahap penglibatan program dengan amalan ibadat solat adalah lemah pada nilai $r = 0.294$ (Hinkle DE, Wiersma W & Jurs SG, 1998).

Jadual 7
Hubungan Antara Penglibatan Program Dakwah Dengan Amalan Ibadat Solat

		Penglibatan	AmalanSolat
Penglibatan	Pearson Correlation	1	.294**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	361	361
AmalanSolat	Pearson Correlation	.294**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	361	361

** . Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-tailed).

Objektif 3: Menentukan hubungan di antara penglibatan pelajar terhadap program dakwah yang telah dilaksanakan oleh Pusat Islam POLIMAS dengan pengamalan akhlak pelajar.

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara penglibatan pelajar dalam program dakwah yang telah dilaksanakan oleh Pusat Islam POLIMAS dengan pembangunan akhlak pelajar.

Berdasarkan Jadual 8 di bawah, Ujian Korelasi Pearson adalah signifikan antara penglibatan program dakwah dengan pengamalan akhlak pelajar. Dengan ini Ho2 adalah berjaya ditolak. Hubungan dalam bentuk positif ini menunjukkan bahawa semakin tinggi penglibatan pelajar dalam program dakwah Pusat Islam POLIMAS maka semakin baik pengamalan akhlak pelajar. Walaubagaimanapun hubungan antara penglibatan program dengan amalan ibadat solat adalah lemah pada nilai $r = 0.16$ (Hinkle et.al, 1998).

Jadual 8
Hubungan Antara Penglibatan Program Dakwah Dengan Pengamalan Akhlak Pelajar

		Penglibatan	Amalan Akhlak
Penglibatan	Pearson Correlation	1	.161**
	Sig. (2-tailed)		.002
	N	361	361
Amalan Akhlak	Pearson Correlation	.161**	1
	Sig. (2-tailed)	.002	
	N	361	361

**Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-tailed).

PERBINCANGAN KAJIAN

Penglibatan Program Dakwah Dalam Kalangan Pelajar

Secara keseluruhannya penglibatan pelajar terhadap program berbentuk dakwah anjuran Pusat Islam POLIMAS adalah sangat memuaskan berdasarkan nilai min keseluruhan 3.23. Sebahagian besar program-program iaitu sebanyak 8 daripada 10 program berjaya mendapatkan penglibatan sederhana tinggi daripada para pelajar berdasarkan nilai min yang diperolehi. Program seperti Seminar Akademik Pecutan Akhir, Solat Hajat Perdana dan Kuliah Bicara Ad-deen menjadi antara program yang paling mendapat sambutan. Manakala Kursus Pengurusan Jenazah dan Kuliah Tadarus Dan Tadabbur Al-Quran kurang mendapat sambutan. Ini mungkin disebabkan faktor kurangnya kesedaran para pelajar terhadap pentingnya menguasai kemahiran menguruskan jenazah kerana ianya seolah-olah urusan yang jauh dari kehidupan remaja. Begitu juga kesedaran memperbaiki bacaan Al-Quran dengan menghadiri kuliah bacaan Al-Quran kurang diminati pelajar. Lebih-lebih lagi program berkenaan berbentuk sukarela.

Sambutan yang menggalakkan secara keseluruhan ini adalah sejajar dengan sasaran yang ditetapkan oleh pihak pengurusan Pusat Islam POLIMAS terhadap program-program dakwah yang dianjurkan bagi menyahut seruan Islam sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang-orang Yang mendapat hidayah petunjuk”.

(Surah Al-Nahlu(16): 125)

Hubungan Antara Penglibatan Program Dakwah Dengan Amalan Ibadat Solat

Hasil kajian di atas yang menunjukkan bahawa penglibatan pelajar ke dalam program-program dakwah anjuran Pusat Islam POLIMAS telah memberi kesan dalam mempengaruhi amalan ibadat solat mereka berdasarkan hubungan positif yang diperolehi melalui ujian Kolerasi Pearson yang dijalankan ($r = 0.294$). Ini membuktikan bahawa program-program yang dianjurkan itu mampu mendidik para pelajar dalam menjaga kewajipan solat dan memperbanyakkan amalan sunat berkaitan solat. Program-program solat seperti Kuliah Bicara Ad-Deen ($m=3.44$), Kuliah Fiqh Solat ($m=3.17$), Program Solat Hajat Perdana($m=3.52$) dan Ibadat Qiamullail ($m=3.25$) yang mempunyai skor min yang terbaik perlu diteruskan dan diperkasakan supaya para pelajar POLIMAS menjadi pelajar-pelajar yang menitik beratkan solat dalam kehidupan mereka.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian disertasi yang dilakukan oleh Mohamad Zaki Hamid (2009) berkenaan pelaksanaan program dakwah dan keberkesannya oleh Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor (SPIJPS) melihat kepada aspek keberkesanan meningkatkan hubungan dengan Allah SWT dengan lebih terperinci. Dapatan kajiannya menunjukkan daripada seramai 100 responden, didapati seramai 90% responden menyatakan sangat berkesan terhadap program dakwah yang dihadiri dalam meningkatkan hubungan dengan Allah SWT (ibadat). Sementara bakinya 8% responden adalah sederhana berkesan dan 2% responden menyatakan kurang berkesan.

Dapatan ini juga selari dengan kajian oleh Syarul Azman Shahrudin dan Marlon Pontino Guleng@Muhammad Yusuf Marlon Abdullah (2014) tentang keberkesanan metodologi dakwah jemaah tabligh yang mendapati seramai 55.3% responden menyatakan bahawa metodologi dakwah jemaah tabligh memberi banyak peningkatan dan sangat berkesan ke atas mereka dalam aspek perkara syariat. Nilai min 3.97 bagi item tersebut bermakna lebih separuh (55.3%) responden menyatakan metodologi dakwah yang digunakan oleh jemaah tabligh sangat berkesan ke atas mereka dalam aspek perkara syariat.

Hubungan Antara Penglibatan Program Dakwah Dengan Pengamalan Akhlak Pelajar

Sepertimana kajian berkenaan hubungan penglibatan pelajar ke dalam program-program dakwah anjuran Pusat Islam POLIMAS dengan amalan ibadat solat mereka, hasil kajian juga telah membuktikan bahawa penglibatan ke dalam program-program dakwah yang dianjurkan juga mampu mempengaruhi pengamalan akhlak pelajar samada akhlak terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Walaupun kekuatan hubungan antara penglibatan program dakwah dengan pengamalan akhlak adalah lemah ($r = 0.16$), namun dalam masa yang sama nilai min (3.23) penglibatan program dakwah juga berada dalam tahap yang sederhana tinggi. Ini memberi ruang penafsiran sekiranya nilai min penglibatan program dakwah berada pada tahap tertinggi maka sudah pasti kekuatan hubungan dengan pengamalan akhlak pelajar juga semakin meningkat.

Dapatan kajian ini mempunyai kesamaan dengan dapatan kajian Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan dan Abd Halim Tamuri (2009) berkenaan amalan ibadat harian dan sumbangannya kepada kecerdasan emosi remaja yang mendapati bahawa amalan solat yang bersifat amalan rutin maktab (solat wajib) dan solat tambahan (solat sunat) memberikan kekuatan dalaman untuk mengawal diri daripada tingkah laku dan mungkar. Daripada analisis regresi berganda amalan ibadat harian terhadap domain motivasi sendiri dalam kajian tersebut mendapati keempat-empat konstruk amalan ibadat harian menyumbang kepada peningkatan motivasi sendiri pelajar. Antara kemungkinan yang menyebabkan hal ini berlaku adalah kerana amalan tersebut berkait dengan konsep ketaatan, ketakwaan dan kehambaan kepada Allah. Begitu juga ianya disokong oleh dapatan kajian oleh Syarul Azman Shahrudin et.al (2014) yang mendapati seramai 70.4% responden menyatakan bahawa metodologi dakwah jemaah tabligh sangat berkesan ke atas mereka dalam pembentukan perkara akhlak.

Menurut Ahmad Sahlan Abdul Hatim dan Rosmawati Mohamad Basit (2015) pelajar yang berakhlak dan berdisiplin dapat dilahirkan kesan daripada penerapan nilai-nilai murni melalui aktiviti dakwah kesenian di sekolah. Melalui kajian yang dijalankannya di empat buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Kedah mendapati wujud perkaitan yang signifikan di antara pelaksanaan aktiviti dakwah melalui kesenian di sekolah dengan penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar.

CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan yang berpandukan objektif kajian, berikut adalah beberapa cadangan dan langkah yang perlu diambil oleh pihak yang berkenaan bagi memantapkan lagi penglibatan program dakwah di Pusat Islam POLIMAS, kajian ini mencadangkan:

Para pelajar dicadangkan mengikuti siri modul khas bagi meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab sebagai khalifah dan hamba Allah SWT terutamanya kesedaran terhadap betapa pentingnya dakwah Islamiah.

Mencadangkan kepada pihak Pusat Islam POLIMAS untuk memperbanyakkan bahan penerbitan berkaitan program-program dakwah terhadap pelajar Pusat Islam POLIMAS juga boleh menerbitkan risalah-risalah dakwah untuk diedarkan kepada pelajar secara berkala.

Mencadangkan kepada pengurusan Pusat Islam POLIMAS agar menubuhkan sistem usrah dalam kalangan pelajar. Hal ini bertujuan untuk membolehkan pelajar membina jamaah yang tersendiri dalam mendokong dan menjadi tulang belakang kepada pelaksanaan program dakwah yang dianjurkan.

Pihak Pusat Islam POLIMAS perlu membentuk akademi dakwah yang melatih pelajar menjadi pendakwah yang menjadi perancang kepada program-program dakwah yang sesuai untuk keperluan pelajar POLIMAS.

Perlunya ada hubungan dan kerjasama antara institusi-institusi dakwah dengan pihak pengurusan POLIMAS untuk membentuk visi dan model program dakwah yang kemas dan mantap supaya meningkatkan lagi penglibatan pelajar ke dalam program-program berkenaan.

Perlunya kerjasama dari pihak-pihak tertentu terutamanya pihak pengurusan POLIMAS dalam menyediakan modal kewangan dan kelengkapan lain untuk Pusat Islam POLIMAS supaya dengan tambahan dana yang disalurkan pihak pengurusan Pusat Islam POLIMAS boleh melaksanakan program-program dakwah secara berterusan dan lebih berkesan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya Pusat Islam POLIMAS sebagai pusat kegiatan Islam berjaya menjadi sebuah institusi yang melaksanakan dan menganjurkan program-program Islam menggunakan metodologi dan pendekatan dakwah. Kejayaan melaksanakan program ini dengan melibatkan pelajar secara aktif di dalamnya telah membawa hubungan yang positif dalam mendidik pelajar untuk menjaga amalan ibadat solat mereka. Begitu juga ianya berjaya mewujudkan hubungan serta mempengaruhi pengamalan akhlak yang baik di kalangan pelajar terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Seharusnya pelaksanaan program dakwah oleh Pusat Islam POLIMAS ini mendapat sokongan dan dokongan daripada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung bagi melahirkan generasi pelajar yang rabbani dan berakhlak mulia.

RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim.

Abdul Karim Zaidan. (1976). *Usul al-Da'wah*. Baghdad: Dar al-Bayan.

Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin. (2007). *Modal Insan: Konsep Aplikasi & Isu-Isu Kontemporari Dalam Cabaran Pemerikasaan Tamadun Insan*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.

Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Rosmawati Mohamad Basit. (2015). Hubungan Pelaksanaan Aktiviti Dakwah Melalui Kesenian Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah. *Jurnal Al-Hikmah*. 7(1), 133-149.

Ameer Azezy Tuan Abdullah. (2012). Integriti Pendakwah Kontemporari: Implikasi Terhadap Masyarakat. *Jurnal Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)*, Bil. 5(7), 143-162.

Hinkle DE, Wiersma W, Jurs SG. (1998). *Applied Statistics for the Behavioral Sciences, 4th ed*. Boston: Houghton Mifflin Company.

Kamus Dewan. (2007). Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral. (1977). *Sahsiah Program Kecemerlangan SMK*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral.

- Krejcie, Robert V., Morgan, Daryle W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. Educational And Psychological Measurement, 30, 607-610.
- Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid, Abdullah Mat Rashid & Samsilah Roslan. (2012). *Penghayatan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012, 7-9 Oktober 2012, Johor Bharu, 2012.
- Mohd. Jirran Mohd Jeperi. (2015). *Pemahaman Dan Amalan Ibadah Solat Fardhu Serta Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Kuala Terengganu*. (Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Utara Malaysia).
- Mohd. Najib Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan & Abd Halim Tamuri. (2009). Amalan Ibadat Harian dan Sumbangannya kepada Kecerdasan Emosi Remaja. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 29-40.
- Mohd Zaki Hamid. (2009). *Sektor Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Selangor: Kajian Tentang Pelaksanaan Program Dakwah Dan Keberkesannya*. (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Mustaffa al-Khin, Mustafaa al-Bugha, & Ali asy-Syarbaji. (2011). *Al-Fiqh al-Minhaji 'ala Mazhab al-Imam al-Syafei*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory*. New York, NY: McGraw-Hill Book Company.
- Othman Mohamed. (2001). *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*. (2012). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Sabitha Marican. (2009). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves, Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Sharifah Nur Abu. (2012). *Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam International Seminar on Research in Islamic Studies II (ISRIS II), 5-6 Februari, Kuala Lumpur.
- Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Madiha Mohammed Ibrahim & Shahril Fazli Mat Hussain. (2014). *Penghayatan Solat Dan Pengimarahannya Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar*. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014, 9-10 Jun, Kota Kinabalu, Sabah.
- Sulaiman Masri. (2002). *Panduan Belajar di Universiti*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Syarul Azman Shaharuddin & Marlon Pontino Guleng @ Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. (2014). *Keberkesanan Metodologi Dakwah Jemaah Tabligh Di Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling*. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014), 1-2 December 2014, Kuala Lumpur, MALAYSIA, 2014.
- Syahrul Faizaz Abdullah, Azizah Othman & Solahuddin Ismail. (2006). *Kefahaman Tentang Konsep Asas Dakwah Islamiah dan Metodologi Dakwah Islamiah di Kalangan Pelajar-pelajar Institut Agama Islam Kedah (INSANIAH)*. National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia, 2006.
- Wan Hussain Azmi. (1984). *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zulfan Nasution. (2001). *Menangani Masalah Remaja Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.